

# PM tekankan nilai MADANI di AFF 2025

Anwar sampaikan aspirasi, komitmen negara sebagai Pengerusi ASEAN

Daripada Syarifah Dayana Syed Bakri  
dayana@mediapnma.com.my  
di Hanoi, Vietnam



**Hanoi:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan menyampaikan ucap tama di 'ASEAN Future Forum' (AFF) 2025, hari ini.

Wisma Putra berkata, forum itu adalah platform perbincangan inklusif dan dialog dalam kalangan pemimpin ASEAN, pembuat dasar, pakar, badan pemikir, peneraju perniagaan dan pihak berkepentingan mengenai hala tuju masa depan ASEAN.

Perdana Menteri akan menekankan komitmen Malaysia terhadap nilai-nilai MADANI dan aspirasi Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN bagi 2025 serta mengetengahkan keutamaan dan keberhasilan Malaysia tahun ini.

"Ia termasuk usaha mempromosi pembangunan ekonomi yang inklusif dan mampan, transformasi digital, perubahan iklim, dan tenaga boleh diperbaharui," menurut kenyataan itu.

Anwar juga akan mengadakan kunjungan hormat ke atas Setiausaha Agung Jawatankuasa Pusat Parti Komunis Vietnam, To Lam dan Presiden Republik Sosialis Vietnam, Luong Cuong serta bertemu Perdana Menteri Vietnam, Pham Minh Chinh.

"Pertemuan ini akan memberi peluang kepada kedua-dua negara merangka hala tuju yang jelas dalam memperkukuh kerjasama dua hala di bawah kerangka Perkongsian Strategik Komprehensif.

"Perbincangan akan berfokus kepada bidang strategik, termasuk perdagangan dan pelaburan, pertahanan dan keselamatan, ekonomi maritim, sains dan tek-



Yang Thai bercakap kepada media Malaysia menjelang lawatan kerja Perdana Menteri ke Vietnam.

(Foto BERNAMA)

nologi, tenaga, pelancongan serta usaha bersama menangani aktiviti penangkapan ikan secara haram, tidak dilaporkan dan tidak terkawal," menurut kenyataan itu.

#### Jumlah dagangan RM83.11b

Sementara itu, Duta Besar Malaysia ke Vietnam, Datuk Tan Yang Thai, berkata jumlah perdagangan di antara Malaysia dan Vietnam tahun lalu mencapai AS\$18.14 bilion (RM83.11 bilion), meningkat 4.4 peratus berbanding AS\$17.38 bilion (RM79.42 bilion) tahun sebelumnya.

Katanya, prestasi berkenaan menandakan pemulihan daripada penurunan 10.6 peratus yang direkodkan pada 2023.

"Pencapaian ini turut melebihi sasaran yang ditetapkan untuk tahun ini. Malah dalam tempoh sama, eksport Malaysia ke Vietnam meningkat 3.3 peratus kepada AS\$11.74 bilion (RM53.86 bilion), mencerminkan permintaan kukuh di negara ini," katanya.

Yang Thai berkata, Vietnam rakan dagang ke-11 terbesar Malaysia, menyumbang 2.9 peratus daripada jumlah dagangan negara.

Vietnam juga destinasi eksport ke-10 terbesar Malaysia, dengan sumbangan sebanyak 3.6 peratus dan sumber import ke-13 terbesar, membentuk 2.1 peratus daripada import Malaysia.

Import dari Vietnam kekal stabil, dengan peningkatan seba-

nyak 6.4 peratus kepada AS\$6.4 bilion (RM29.25 bilion). Lebih perdagangan Malaysia juga terus berkembang, mencecah AS\$5.34 bilion (RM24.61 bilion), walaupun mencatatkan sedikit penurunan sebanyak 0.2 peratus berbanding 2023.

"Prestasi yang dicatatkan ini menyerlahkan pencapaian kedua-dua negara untuk melepasi sasaran perdagangan yang ditetapkan di bawah Pelan Tindakan (POA) 2021-2025 untuk kali kedua, selepas 2022," katanya.

Beliau berkata, dalam kalangan negara ASEAN, Vietnam kekal sebagai rakan dagang keempat terbesar Malaysia untuk tiga tahun berturut-turut.

Selain itu, Vietnam juga menjadi destinasi eksport utama dan sumber import penting bagi Malaysia, khususnya dalam sektor teknologi dan pembuatan.

"Ketika ini, Vietnam berperanan sebagai rantaian bekalan utama dalam sektor pembuatan, terutamanya bagi produk elektronik dan elektrik.

"Malaysia juga adalah sebahagian daripada rantaian bekalan ini dan faktor inilah yang menyumbang kepada peningkatan perdagangan antara kedua-dua negara," katanya.

Katanya, selain sektor pembuatan, terdapat beberapa syarikat Malaysia yang menjalankan operasi di Vietnam, antaranya dari sektor perbankan, perkhidmatan, infrastruktur dan hartanah.